

Headline	Suhu 48 celsius tak halang menunaikan puasa, umrah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	27	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	MOHD.SAH CHE AHMAD	AdValue	RM 6,028
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,084



Suhu 48 celsius tak halang menunaikan puasa, umrah

Daripada MOHD. SHAH CHE AHMAD

MADINAH 29 Jun - Suhu mencecah 48 darjah celsius tidak menghalang lebih 5,000 rakyat Malaysia untuk mengambil kesempatan menunaikan ibadah puasa di tanah suci Mekah dan Madinah sepanjang Ramadan tahun ini.

Menurut Tabung Haji, jumlah itu terdiri daripada mereka yang mengambil paket umrah yang ditawarkan oleh pelbagai agensi termasuk Tabung Haji Travel.

Beberapa rakyat Malaysia ketika ditemui melahirkan rasa syukur kerana dapat menunaikan ibadah puasa di tanah suci.

Bagi Hamidah Abd. Hamid dari Beruas, Perak, berkata, penantian-

nya untuk menunaikan ibadah puasa di tanah suci sejak 24 tahun lalu akhirnya termakbul.

"Sejak menunaikan ibadah haji pada tahun 1990 mendorong saya menanamkan nekad untuk berpuasa di tanah suci. Lebih-lebih lagi mendengar ceramah daripada ustaz

mengenai kelebihan berpuasa di tanah suci.

"Berpeluang berpuasa di tanah suci buat pertama kali ini amat bermakna bagi diri saya dan saya akan bersungguh-sungguh dalam mendekatkan diri kepada Allah," katanya.

Sementara itu, Saleha Baba,

59, berazam menjadikan Ramadhan pada tahun ini yang terbaik walaupun terpaksa melalui pelbagai dugaan di tanah suci.


"Dalam keadaan umur sekarang sangat sensetif dengan persekitaran, lebih-lebih lagi cuaca di sini yang panas dan berdebu. Bagaimanapun makcik tetap akan melakukan ibadah puasa dengan sebaik mungkin untuk mendapatkan Ramadhan yang terbaik," katanya.



HAMIDAH ABD. HAMID



SALEHA BABA



SEBAHAGIAN umat Islam mengerjakan solat dalam suhu mencecah 48 darjah celsius di dataran luar Masjid Nabawi, Madinah, semalam.